

Mara cadang tubuh dua lagi IKTM

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar

12 SEP 2002
MARA sedang mengkaji kemungkinan menubuhkan dua lagi Institut Kemahiran Tinggi Mara (IKTM) bagi melahirkan sumber tenaga mahir dalam bidang pertanian dan telekomunikasi.

Dua bidang berkenaan dikenal pasti sebagai kritikal atau memerlukan tenaga mahir terlatih terutama di peringkat diploma.

Ini berikutan bidang pertanian secara moden dan telekomunikasi menjadi salah satu tumpuan kerajaan bagi membantu membangunkan sektor ekonomi negara ke arah yang lebih mampan.

Mara kini mempunyai lima IKTM, iaitu Malaysian France Institute (MFI), British Malaysian Institute (BMI), German Malaysian Institute (GMI), Malaysia Institute of Aviation Technology (Miat) dan Malaysia Spanish Institute (MSI).

Ketua Pengarah Mara, Datuk Mohd Mydin Mohd Sheriff, berkata pihaknya sedang menjalankan kajian bagi mengusulkan keperluan bagi menubuhkan dua IKTM sebagai persediaan mengeluarkan tenaga mahir dalam kedua-dua bidang berkenaan.

Katanya, kerajaan kini menjadikan bidang pertanian sebagai enjin pertumbuhan ekonomi yang ketiga selepas perindustrian dan perkhidmatan.

Pertanian secara moden itu, katanya, membabitkan penggunaan mesin canggih dan peralatan berteknologi tinggi.

"Selain itu, industri telekomunikasi negara juga berkembang pesat kerana teknologi berkenaan digunakan secara meluas dalam beberapa sektor.

"Perkembangan ini memerlukan tenaga manusia separa mahir mencukupi termasuk di kalangan Bumiputera.

"Mara sedang mengkaji kemungkinan untuk menubuhkan dua IKTM untuk melatih dan mengeluarkan sumber manusia separa mahir dalam bidang pertanian dan telekomunikasi," katanya kepada Berita Harian selepas Majlis Perasmian Malaysia France Institute (MFI), di Bandar Baru Bangi, Selangor, baru-baru ini.

Majlis itu disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Hadir sama ialah Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Nazri Aziz, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo, Duta Perancis ke Malaysia, Xavier Driencourt, Timbalan Menteri Besar Selangor, Datuk Dr Zainal Abidin Ahmad dan Pengarah Urusan MFI, Ghazali Manaf.

MFI kini menawarkan lapan program peringkat diploma.

Institut itu juga menjadi kampus sementara Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan bekerjasama dengan universiti itu untuk menawarkan dua program ijazah.

Mohd Mydin berkata, Mara sedang mengkaji untuk mendapatkan bantuan kepakaran daripada Australia sebagai penyedia teknologi dalam bidang pertanian.

Bagi bidang telekomunikasi pula, katanya, Mara mungkin bekerjasama dengan syarikat dari Switzerland.

Beliau berkata, IKTM bertujuan menghasilkan tenaga separa mahir terutama peringkat diploma teknologi kerana universiti kini mengeluarkan tenaga mahir sedangkan negara juga memerlukan pekerja peringkat pertengahan.

Sementara itu, Duta Perancis, Driencourt dalam ucapannya pada majlis perasmian itu berkata, negaranya akan terus komited untuk bekerjasama dan menawarkan kepakaran atau teknologi kepada institusi latihan di Malaysia.

Katanya, penubuhan MFI membuka jalan kepada kerjasama yang lebih rapat antara institusi latihan dan syarikat di Perancis dengan rakan mereka di negara ini.

Sehingga kini, katanya, beberapa syarikat Perancis mempunyai hubungan yang baik terutama dengan MFI dengan membekalkan teknologi dan menawarkan kepakaran mereka kepada institut itu.

Antaranya ialah Schneider, Vivendi Water, Peugeot dan Citroen.

"MFI menyediakan latihan berkualiti tinggi dan memenuhi standard antarabangsa kerana graduannya diterima bekerjasama dengan syarikat multinasional termasuk dari Perancis.

"Pada masa yang sama, beberapa pelajar cemerlang MFI berjaya melanjutkan pengajian peringkat ijazah di universiti di Perancis.

"Kerajaan Perancis akan terus komited untuk bekerjasama dengan Malaysia dan MFI bagi membantu hasrat negara ini menjadi negara maju," katanya.

Ketika ini, MFI dan UniKL mendapat bantuan daripada dua institusi Perancis untuk menawarkan dua program ijazah teknologi kejuruteraan.

Program berkenaan ialah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Penyaman Udara dan Penyelukbekuan dan Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Industri Automasi dan Robotik.

Kurikulum program berkenaan digubal dengan bantuan Universite de Nice Sophia Antipolis (IUT) dan Institut Du Froid Industriel (IFFI), Conservatoire National Des Arts Et Metiers (CNAM).

Kini, terdapat kira-kira 76 pelajar mengikuti kedua-dua program itu.